

## PERUTUSAN INISIATIF REKTOR 2019

*Assalamu`alaykum wr wbt & Salam Sejahtera,*

Semua Warga UiTM Johor yang budiman dan dikasihi,

Tahun 2018 akan melabuhkan tirainya dan 2019 bakal menjelang tiba. Syukur, kita telah menyaksikan sekian banyak pencapaian luarbiasa sepanjang 2018 ini, sehingga UiTM Johor mendapat pengiktirafan berprestij samada menerusi pencapaian pelajar mahu pun staf. Terbaru, UiTM Johor telah dinobatkan sebagai 'The Most Visible Campus 2018'.

TAHNIAH dan terima kasih setulusnya, kepada semua warga di atas sumbangan bakti anda semua. Sebahagian kejayaan kita adalah terhasil dari usaha berterusan, terancang dan bersistematik menerusi 11 INISIATIF REKTOR 2018. Gelombang pertama inisiatif ini telah memberdaya komitmen seluruh peringkat staf sama ada akademik mahupun pentadbir, selain para pelajar sendiri, iaitu:

1. Bicara Mingguan (Weekly Talk)
2. Penulis Tamu (Guest Columnist)
3. 'Kawan kan Ada..'
4. 'Durian Yang Amat'
5. 'Mahabbah Fillah'
6. Kampus Berdayahuni (Livable Campus)
7. Digital IID
8. 'Money Matter'
9. 'Digital Campus'
10. 'Turn-Thesis-to-Books' (TTTB)
11. CoE@Johor 'MITRANS@KPG & CentreforBioD&SustainableDevelopment'

Justeru, untuk tahun 2019, gelombang kedua Inisiatif Rektor di atas akan diteruskan dengan melakukan penjenamaan semula (rebranding) dan memposisikannya semula (repositioning) ke arah mencipta keberhasilan (outcome) yang lebih maksimum. Beberapa inisiatif baru berorientasikan 'business unusual' dan berimpak positif kepada UiTM serta 'stakeholders' kita akan turut dibangunkan.

Justeru, dengan penuh hormat takzim, saya sangat mengalu-alukan idea-idea konstruktif dari semua warga staf untuk turut sama membantu membangunkan INISIATIF REKTOR 2019. Idea terbaik akan saya angkat untuk tahun 2019 dan akan dipertimbangkan ganjaran yang sewajarnya kelak.

Sila kemukakan saranan anda secara ringkas (nama inisiatif dan profil projek tersebut dalam satu perenggan sahaja) ke email berikut:-

Email: [rektorjhr@johor.uitm.edu.my](mailto:rektorjhr@johor.uitm.edu.my).

Sila cadangkan saranan-saranan bernas anda selewat-lewatnya 31 Jan 2019.

Marilah bersama-sama kita melakar lebih banyak kejayaan luar biasa untuk tahun mendatang ini. Selamat Tahun Baru 2019!

Saya yang menjalankan amanah;

A Naqiyuddin Bakar

Salam hormat,